

Cadangan tubuh lembaga kemajuan baharu dipertikai

Tiada jaminan bangunkan Orang Asli?

Oleh **MOHD. FADHLI SULAIMAN**
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Cadangan Ahli Parlimen Cameron Highlands, Ramli Mohd. Nor membentuk lembaga kemajuan baharu berfokus kepada pembangunan Orang Asli didakwa tidak memberikan faedah kepada masyarakat itu.

Setiausaha Agung Parti Sosialis Malaysia (PSM), A. Sivarajan berkata, pembangunan komuniti Orang Asli tidak akan terjamin sekalipun lembaga baharu dibentuk.

Sebaliknya, kata beliau, kehidupan mereka hanya terjamin jika hak-hak seperti pengiktirafan tanah adat, moratorium lesen pembalakan, perlombongan, penghormatan adat resam, pemuliharaan bukit, sungai dan kehidupan liar, kemudahan kesihatan dan pendidikan dilak-



A. SIVARAJAN

sanakan secara serius.

“Apa gunanya muncul lagi sebuah autoriti dan birokrasi dalam bentuk lembaga kemajuan jika agensi-agensi sebelum ini masih gagal menjaga kebajikan Orang Asli,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Dalam sesi perbahasan di De-

wan Rakyat baru-baru ini, Ramli yang juga Ahli Parlimen Orang Asli pertama di negara ini bercadang membentuk lembaga kemajuan yang fungsinya mirip Majlis Amanah Rakyat (Mara) untuk memajukan masyarakat itu dari aspek ekonomi.

Beliau juga mencadangkan penjagaan kesihatan dan pendidikan percuma diberikan kepada Orang Asli.

Mengulas lanjut, Sivarajan menyeru agar kerajaan merujuk semula resolusi-resolusi Persidangan Orang Asli Kebangsaan yang dianjurkan tahun lalu.

Dalam resolusi itu, katanya, beberapa perkara harus disemak semula semula antaranya penubuhan Majlis Adat dan Resam Orang Asli, Tribunal Tuntutan Adat Orang Asli dengan bantuan guaman, pengekalan hutan dan pengharaman aktiviti pembalakan.